



KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR



# KAJIAN AUDIT TERHADAP PENGURUSAN PEROLEHAN PERALATAN BAGI TUJUAN KAWALAN PELEPASAN DARI KENDERAAN BERMOTOR JABATAN ALAM SEKITAR



UNIT AUDIT DALAM  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

**KAJIAN AUDIT TERHADAP PENGURUSAN PEROLEHAN PERALATAN BAGI  
TUJUAN KAWALAN PELEPASAN DARI KENDERAAN BERMOTOR  
JABATAN ALAM SEKITAR**

<u>KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1. LATAR BELAKANG	1
2. OBJEKTIF PENGAUDITAN	2
3. SKOP DAN METODOLOGI	2
4. PENEMUAN AUDIT	2
4.1 Prestasi Perbelanjaan	2
4.2 Pengurusan Perolehan	3
4.2.1 Perolehan Melebihi Daripada Kelulusan	4
4.2.2 Bekalan Lewat Diterima	5
4.2.3 Perolehan Tidak Menepati Kelulusan UPE	8
4.2.4 Perbezaan Maklumat Dalam Dokumen Penilaian Sebut Harga	10
4.3 Pengurusan Kontrak	11
4.3.1 Surat Perjanjian Lewat Disetemkan	11
4.3.2 Tandatangan Kontrak	12
4.3.3 Terma Perjanjian	13
4.4 Pengurusan Aset Dan Peralatan	13
4.4.1 Penerimaan Aset Dan Peralatan	13
4.4.2 Pengagihan Peralatan	14
4.4.3 Penggunaan Peralatan	17
4.4.4 Pelupusan Peralatan	20
4.5 Penyelenggaraan Rekod	21
4.5.1 Aset Tidak Didaftarkan/Pendaftaran Tidak Lengkap	21
4.5.2 Kesilapan Mendaftar Peralatan	22
4.5.3 Maklumat Aset Tidak Tepat	22
4.5.4 Rekod Penyelenggaraan Tidak Diselenggara	23
5. RUMUSAN DAN CADANGAN AUDIT	25 – 26

**KAJIAN AUDIT TERHADAP PENGURUSAN PEROLEHAN PERALATAN BAGI  
TUJUAN KAWALAN PELEPASAN DARI KENDERAAN BERMOTOR  
JABATAN ALAM SEKITAR**

**1. LATAR BELAKANG**

1.1 Jabatan Alam Sekitar (JAS) ditubuhkan pada 15 April 1975 di bawah Dasar Alam Sekitar Negara (DASN), bertujuan untuk mentadbir dan menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Antara peranan JAS adalah untuk mencegah dan mengawal pencemaran serta memperbaiki kualiti alam sekitar bagi mewujudkan alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif untuk generasi masa kini dan masa hadapan.

1.2 Antara agenda yang digariskan dalam Pelan Strategik JAS Tahun 2011 – 2020 adalah untuk mewujudkan persekitaran yang bersih bagi meningkatkan kualiti hidup dan tahap kesihatan orang awam. Antara penyumbang utama kepada pencemaran udara adalah daripada kenderaan bermotor. Justeru, di bawah Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10), Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan sejumlah RM5.7 juta untuk perolehan peralatan bagi tujuan kawalan pelepasan dari kenderaan bermotor. Objektif perolehan ini adalah untuk melengkapkan Pasukan Penguatkuasaan JAS dengan peralatan-peralatan ujian asap, gas dan bunyi bising, peralatan bagi pemerhatian secara visual dengan kelengkapan kamera video serta kenderaan pacuan empat roda khas untuk menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada di bawah AKAS 1974.

1.3 Sehingga bulan Disember 2012, sejumlah RM4.11 juta telah diperuntukkan di bawah RMKe-10 manakala prestasi perbelanjaan telah mencapai 99.98%. Maklumat peruntukan dan perbelanjaan yang dilakukan adalah seperti berikut:-

**JADUAL 1  
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE-10  
SEHINGGA 31 DISEMBER 2012**

Tahun	Peruntukan Asal (RM)	Peruntukan Dipinda (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Baki (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
2011	1,800,000.00	2,314,400.00	2,313,950.90	449.10	99.98
2012 (sehingga 2 Disember )	1,800,000.00	1,799,550.00	1,799,310.30	239.70	99.98
<b>JUMLAH</b>	<b>3,600,000.00</b>	<b>4,113,950.00</b>	<b>4,113,261.20</b>	<b>688.80</b>	<b>99.98</b>

Sumber: Laporan Prestasi Perbelanjaan Projek Pembangunan 2012 RMKe-10 Sehingga 2 Disember 2012 Dan Cabutan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian Bil.9/2012

## **2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan peralatan bagi tujuan kawalan pelepasan dari kenderaan bermotor JAS dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang ditetapkan.

## **3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

3.1 Kajian dijalankan terhadap Perolehan Peralatan Bagi Tujuan Kawalan Pelepasan Dari Kenderaan Bermotor di bawah RMKe-10 dari tahun 2011 dan 2012. Di samping itu, semakan fizikal juga dilakukan terhadap peralatan yang dibeli pada tahun 2009 dan 2010 bagi memastikan peralatan sedia ada diurus dengan baik.

3.2 Semakan telah dibuat terhadap dokumen dan rekod yang diselenggara oleh Ibu Pejabat JAS serta 5 JAS Negeri iaitu Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Johor, Terengganu dan Sarawak. Pihak Audit juga membuat lawatan ke beberapa lokasi ketika operasi penguatkuasaan dijalankan bagi melihat dengan jelas penggunaan dan keberkesanan peralatan yang dibekalkan. Selain itu, perbincangan dan temu bual juga diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab untuk mendapat penjelasan dan pandangan terhadap keberkesanan peralatan yang dibekalkan.

## **4. PENEMUAN AUDIT**

Perolehan peralatan bagi tujuan kawalan pelepasan dari kenderaan bermotor ini adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Udara di Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar dan peralatan diedarkan ke JAS Negeri untuk kegunaan Pasukan Penguatkuasaan. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga bulan Disember 2012 mendapati pengurusan perolehan peralatan bagi tujuan kawalan pelepasan dari kenderaan bermotor JAS adalah memuaskan. Beberapa perkara yang disenaraikan di bawah perlu diberi perhatian oleh pihak JAS.

### **4.1 Prestasi Perbelanjaan**

Pada tahun 2011, JAS telah menerima peruntukan di bawah RMKe-10 berjumlah RM2,314,400 manakala pada tahun 2012 sejumlah RM1,799,550 telah diterima menjadikan jumlah keseluruhan berjumlah RM4,113,950. Perbelanjaan yang telah dilakukan sehingga bulan Disember 2012 adalah RM4,113,261.20. Maklumat lengkap perbelanjaan adalah seperti berikut:-

**JADUAL 2**  
**PERBELANJAAN DI BAWAH RMKe-10**

Perkara	Peruntukan Diterima (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki (RM)
<b>Tahun 2011</b>			
<b><u>Senarai Perbelanjaan:-</u></b>			
i. Perolehan 22 unit kenderaan		2,080,100.00	
ii. Perolehan 50 unit kamera video		157,500.00	
iii. Iklan		7,965.90	
iv. Alat Ganti dan Kelengkapan Peralatan Penguatkuasaan		<b>*53,740.00</b>	
v. Perkhidmatan penghantaran kenderaan		14,645.00	
<b>Jumlah</b>	<b>2,314,400.00</b>	<b>2,313,950.90</b>	<b>449.10</b>
<b>Tahun 2012</b>			
<b><u>Senarai Perbelanjaan:-</u></b>			
i. Perolehan 49 unit meter asap		1,573,880.00	
ii. Perolehan 2 unit kenderaan		179,540.00	
iii. Perkhidmatan penghantaran meter asap dan kenderaan		32,020.00	
iv. Iklan		8,013.60	
v. Insurans		5,856.70	
<b>Jumlah</b>	<b>1,799,550.00</b>	<b>1,799,310.30</b>	<b>239.70</b>

Pihak Audit berpendapat prestasi perbelanjaan dalam tempoh 2 tahun di bawah RMKe-10 adalah cemerlang. Namun, perbelanjaan sejumlah RM53,740 iaitu 2.32% daripada jumlah peruntukan yang diterima pada tahun 2011 untuk perolehan alat ganti dan kelengkapan peralatan penguatkuasaan tidak termasuk di bawah skop yang diluluskan di bawah RMKe-10.

#### 4.2 Pengurusan Perolehan

Semakan terhadap Buku Cadangan Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10) JAS dan surat kelulusan daripada EPU mendapati, perolehan lima (5) jenis peralatan telah diluluskan bagi tujuan kawalan pelepasan dari kenderaan bermotor. Peralatan tersebut adalah 30 unit meter asap, 30 unit *CO/HC Analyser*, 30 unit *Sound Level Meter* beserta *Tachometer*, 60 unit kamera video dan 20 unit kenderaan pacuan empat roda diubahsuai.

Sehingga bulan Disember 2012, hanya tiga (3) daripada lima (5) jenis peralatan iaitu meter asap, kamera video dan kenderaan pacuan empat roda telah dibeli oleh JAS manakala perolehan dua (2) jenis peralatan iaitu *CO/HC Analyser* dan *Sound Level Meter* beserta *Tachometer* akan dilaksanakan pada tahun 2013 hingga 2015.

Perolehan tiga (3) jenis peralatan dilakukan secara Tender Terbuka dan Sebut Harga seperti Jadual berikut:-

**JADUAL 3**  
**PEROLEHAN PERALATAN YANG DILAKUKAN SEHINGGA BULAN DISEMBER 2012**

Perkara	Nama Syarikat	Nilai Perolehan (RM)	Nilai Keseluruhan Perolehan (RM)
AS(T) 001/2012 – Membekal, Menghantar dan Mentauliah 33 Peralatan Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Dari Kenderaan Bermotor Meter Asap ( <i>Smoke Meter</i> )	Jalinan Sucrom Sdn. Bhd.	1,059,960.00	1,573,880.00
Penambahan Nilai Kontrak - Membekal, Menghantar dan Mentauliah 16 Peralatan Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Dari Kenderaan Bermotor Meter Asap ( <i>Smoke Meter</i> )		513,920.00	
AS(S) 012/2011 – Membekal, Memasang, Mentauliah dan Melatih Penggunaan 50 Unit Kamera Video Untuk JAS	Manuris Sales & Services Sdn. Bhd.	157,500.00	157,500.00
AS(T) 001/2012 – Membekal, Menghantar dan Mentauliah 15 Unit Kenderaan Pacuan Empat Roda Untuk JAS	Kejuruteraan TNH Sdn. Bhd.	1,418,250.00	2,259,640.00
Penambahan Nilai Kontrak - Membekal, Menghantar dan Mentauliah 7 Unit Kenderaan Pacuan Empat Roda Untuk JAS		661,850.00	
AS(S) 021/2012 – Membekal, Menghantar dan Mentauliah 5 Unit Kenderaan Pacuan Empat Roda Untuk JAS. (Dua (2) unit kenderaan menggunakan peruntukan RMKe-10)	Abnaa-Al-Abduly (M) Sdn. Bhd.	179,540.00	
<b>JUMLAH</b>			3,991,020.00

#### 4.2.1 Perolehan Melebihi Daripada Kelulusan

Semakan terhadap perolehan yang dilakukan di bawah peruntukan RMKe-10 mendapati, sehingga bulan Disember 2012 hanya 3 daripada 5 jenis peralatan yang diluluskan telah dibeli oleh JAS. Perolehan yang dilakukan adalah seperti berikut:-

**JADUAL 4**  
**PEROLEHAN PERALATAN DI BAWAH RMKe-10 SEHINGGA BULAN DISEMBER 2012**

Perkara	Bilangan Peralatan Diluluskan (unit)	Bilangan Peralatan Dibeli (unit)	Bilangan Peralatan Lebih/ (Kurang)
Meter asap pengukur had pelepasan asap hitam dari kenderaan berenjin diesel.	30	49	19
Kamera video untuk penguatkuasaan melalui pemerhatian secara 'visual' pelepasan asap hitam kenderaan berenjin diesel.	60	50	(10)
Kenderaan pacuan empat roda yang diubahsuai untuk kegunaan pasukan penguatkuasaan dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan kawalan pelepasan asap hitam, pelepasan gas dan bunyi bising dari kenderaan bermotor.	20	24	4

Pihak Audit mendapati perolehan meter asap dan kenderaan telah melebihi daripada jumlah yang dirancang serta diluluskan oleh EPU. Berdasarkan semakan, perolehan yang dilakukan adalah seperti berikut:-

- i) Pada 8 Mac 2012, JAS telah membuat perolehan 33 meter asap bernilai RM1,059,960 melalui pembekal Jalinan Sucrom Sdn. Bhd. Di samping itu, satu permohonan telah dikemukakan kepada Lembaga Perolehan NRE pada 4 September 2012 untuk menambah perolehan sebanyak 16 unit meter asap dengan nilai RM513,920 melalui pembekal yang sama.
- ii) Perolehan kenderaan pacuan empat roda telah dilakukan sebanyak 2 kali dengan satu tambahan nilai yang diluluskan oleh Lembaga Perolehan NRE. Pada 1 April 2011, JAS telah membuat perolehan 15 unit kenderaan pacuan empat roda jenis Nissan X-Trail (2.5l) melalui Kejuruteraan TNH Sdn. Bhd. dengan nilai RM1,418,250. Lembaga Perolehan B melalui Mesyuarat Lembaga Perolehan Bilangan 10/2011 pada 16 Ogos 2011 juga telah meluluskan penambahan perolehan 7 unit kenderaan melalui pembekal yang sama dengan nilai RM661,850.

Di samping itu pada 7 September 2012, JAS telah membuat perolehan 5 unit kenderaan pacuan empat roda jenis Toyota Hilux Double Cab 2.5G bernilai RM477,540 secara sebut harga melalui pembekal Abnaa-Al-Abduly (M) Sdn. Bhd. Daripada 5 unit kenderaan yang dibeli, 2 unit daripadanya menggunakan peruntukan RMKe-10 berjumlah RM179,540.

**Pihak Audit berpendapat, perubahan kontrak yang melibatkan penambahan nilai kontrak ini adalah dibenarkan berdasarkan AP 201.1(a)((i) – (iv). Bagaimanapun, perubahan perolehan ini perlu dimaklumkan kepada EPU selepas mendapat kelulusan daripada Pegawai Pengawal melalui Bahagian Pembangunan Kementerian. Namun pihak Audit mendapati perolehan bilangan peralatan melebihi daripada kelulusan tidak dimaklumkan kepada pihak EPU sebagai badan yang meluluskan peruntukan.**

#### **4.2.2 Bekalan Lewat Diterima**

Semakan Audit mendapati perolehan 33 unit meter asap, 50 unit kamera video dan 17 unit kenderaan lewat dibekalkan antara 16 hingga 62 hari dan tidak mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Surat Setuju Terima (SST) / Kontrak.

i) **Perolehan Meter Asap**

Mengikut perjanjian kontrak, pembekal hendaklah membekalkan 33 unit meter asap dalam tempoh 105 hari daripada tarikh SST ditandatangani oleh pembekal. Namun semakan Audit mendapati pembekal telah lewat membekalkan meter asap sehingga 62 hari daripada tarikh sepatutnya dibekalkan. Surat permohonan untuk melanjutkan tarikh penyerahan peralatan hanya dibuat pada 16 Oktober 2012 iaitu 25 hari selepas tarikh peralatan sepatutnya dibekalkan. Maklumat lengkap bekalan meter asap adalah seperti berikut:-

**JADUAL 5**  
**METER ASAP LEWAT DIBEKALKAN**

Tarikh Surat Setuju Terima Ditandatangani	Tempoh Bekalan (Hari)	Tarikh Meter Asap Patut Dibekalkan	Tarikh Meter Asap Diterima	Kelewatan (Hari)
29.05.2012	105	11.09.2012	12.11.2012	62

Semakan Audit mendapati surat daripada Technomotor S.P.A Phama Italy bertarikh 7 Jun 2012 telah mencadangkan satu lawatan teknikal ke kilang pada 2 dan 3 Julai 2012 bagi membincang dan memastikan modifikasi yang dibuat adalah memenuhi kehendak JAS. Surat tersebut telah dipanjangkan kepada pihak JAS oleh Jalinan Sucrom Sdn. Bhd pada 15 Jun 2012 namun tiada maklum balas daripada JAS. Justeru, pihak Jalinan Sucrom Sdn. Bhd sekali lagi menghantar surat kepada JAS pada 16 Julai 2012 memohon supaya JAS menghantar seorang pegawai teknikal bagi mengesahkan sama ada ciri-ciri 'customization' telah memenuhi spesifikasi dan keperluan JAS. Namun pihak JAS melalui surat bertarikh 2 Ogos 2012 menolak jemputan tersebut dengan alasan menjadi obligasi dan tanggungjawab pihak Jalinan Sucrom Sdn. Bhd. sebagai pembekal untuk menentu dan memastikan peralatan meter asap yang dibekalkan mematuhi sepenuhnya spesifikasi yang telah ditetapkan.

Menurul Fasal 12.2 Perjanjian Kontrak, kelewatan bekalan hendaklah dikenakan ganti rugi *Liquidated Ascertained Damages (LAD)* berasaskan *Base Lending Rate (BLR)* setiap hari kelewatan yang terlibat di atas nilai/harga peralatan. Dalam hal ini, pihak JAS tidak mengenakan tuntutan denda lewat sepertimana yang dipe rontukkan dalam kontrak.

Pihak Audit berpendapat, kelewatan pihak JAS memberi maklum balas kepada pembekal berkaitan pengesahan spesifikasi teknikal meter asap yang perlu dibuat 'customization' telah menyumbang kepada kelewatan bekalan meter asap. Pihak JAS sepatutnya memaklumkan lebih awal tentang penolakan tersebut supaya pihak pembekal boleh meneruskan dengan tindakan berikutnya.

**ii) Perolehan Kamera Video**

SST bertarikh 12 Julai 2011 para 2.2(c) menyatakan bekalan hendaklah dilakukan dalam tempoh 3 minggu dari tarikh surat jawapan SST. Para 2.3(b) pula menyatakan sebarang kelewatan menyempurnakan bekalan serta tidak diremedikan dalam tempoh yang ditetapkan, Kerajaan melalui satu notis bertulis berhak mengenakan *LAD* berasaskan *BLR* setiap hari yang terlibat mengikut formula yang ditetapkan.

Dengan mengambilkira surat jawapan SST bertarikh 13 Julai 2012, kamera video hendaklah dibekalkan sebelum 2 Ogos 2012. Namun, bekalan hanya diterima pada 24 Ogos 2012 iaitu lewat 22 hari daripada tarikh yang ditetapkan. Tiada bukti tindakan telah diambil oleh JAS terhadap kelewatan ini. Maklumat lengkap adalah seperti berikut:-

**JADUAL 6**  
**KAMERA VIDEO LEWAT DIBEKALKAN**

Tarikh Surat Setuju Terima Ditandatangani	Tempoh Bekalan (Hari)	Tarikh Meter Asap Patut Dibekalkan	Tarikh Meter Asap Diterima	Kelewatan (Hari)
13.07.2011	21	02.08.2011	24.08.2011	22

**iii) Perolehan Kenderaan Pacuan Empat Roda**

Fasal 9.1 Perjanjian Kontrak Kerajaan antara JAS dengan Kejuruteraan TNH Sdn. Bhd. bertarikh 22 Ogos 2011 menetapkan pihak pembekal membekalkan 15 unit Nissan X-Trail 2.5L (P) A/T dalam tempoh 90 hari mulai dari tarikh surat jawapan SST ditandatangani. Manakala bagi sebut harga dengan Syarikat Abnaa-AI Abduly (M) Sdn. Bhd. pula, SST bertarikh 11 September 2012 para 2.2 (c) menghendaki pembekal membekalkan 5 Toyota Hilux dalam tempoh 12 minggu dari tarikh surat jawapan SST. Sekiranya kenderaan tidak dibekalkan dalam tempoh tersebut, ganti rugi kelewatan hendaklah dikenakan mengikut formula yang ditetapkan. Namun semakan Audit mendapati, kenderaan telah dibekalkan lewat daripada tarikh yang sepatutnya manakala tiada sebarang tindakan diambil terhadap kelewatan tersebut. Maklumat kelewatan bekalan adalah seperti berikut:-

**JADUAL 7**  
**KENDERAAN LEWAT DIBEKALKAN**

Perkara	Tarikh Surat Jawapan Kepada Surat Setuju Terima	Tarikh Kenderaan Sepatutnya Diterima	Tarikh Kenderaan Diterima	Kelewatan (Hari)
Bekalan 15 unit kenderaan Nissan X-Trail 2.5l (P) A/T melalui Kejuruteraan TNH Sdn. Bhd.	29.06.2011	27.09.2011	13.10.2011	16
Bekalan 5 unit kenderaan Toyota Hilux melalui Syarikat Abnaa-AI Abduly (M) Sdn. Bhd.	11.09.2012	03.12.2012	31.12.2012	28

Pihak Audit berpendapat, pemantauan terhadap perolehan perlu diberi keutamaan untuk memastikan pembekal membekalkan peralatan dalam tempoh yang ditetapkan. Tindakan mendenda pembekal yang lewat tanpa alasan yang kukuh perlu dilakukan sejajar dengan perjanjian yang telah dipersetujui bersama di dalam kontrak.

#### 4.2.3 Perolehan Tidak Menepati Kelulusan EPU

Semakan terhadap Buku Cadangan Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10) JAS dan surat kelulusan Unit Perancang Ekonomi (EPU) mendapati, perolehan adalah '20 unit kenderaan pacuan empat roda yang diubah suai untuk kegunaan pasukan penguatkuasaan dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan kawalan pelepasan asap hitam, pelepasan gas dan bunyi bising dari kenderaan bermotor'. Anggaran kos bagi setiap kenderaan yang diubah suai adalah berjumlah RM150,000.

Semakan Audit mendapati 22 kenderaan yang dibeli adalah jenis Nissan X-Trail (2.5l) tanpa sebarang pengubahsuaian dengan spesifikasi asal. Harga bagi setiap kenderaan adalah RM94,550 sebuah. Di samping itu, perolehan 2 Toyota Hilux Double Cab 2.5G yang berharga RM95,508 sebuah juga adalah *standard* tanpa sebarang pengubahsuaian. Contoh kenderaan Nissan X-Trail (2.5l) yang dibeli adalah seperti di gambar berikut:-

**GAMBAR 1**  
**KENDERAAN NISSAN X-TRAIL (2.5L) YANG DI BELI OLEH JABATAN ALAM SEKITAR**



Hasil pemerhatian Audit di lima (5) cawangan JAS Negeri mendapati, Unit Punca Bergerak di bawah Bahagian Operasi yang bertanggungjawab terhadap operasi penguatkuasaan bagi kawalan pelepasan kenderaan bermotor telah dibekalkan dengan sebuah Van Hiace pada tahun 2009. Kenderaan tersebut telah diubah suai seperti Gambar 2 di bawah:-

**GAMBAR 2**  
**KENDERAAN YANG SEDANG DIGUNAKAN OLEH UNIT PUNCA BERGERAK, JABATAN ALAM SEKITAR UNTUK TUJUAN PENGUATKUASAAN**



Hasil temubual dengan pegawai JAS yang menjalankan operasi, pihak Audit mendapati Nissan X-Trail agak kurang sesuai digunakan untuk tugas penguatkuasaan terutama operasi asap hitam memandangkan peralatan yang digunakan banyak manakala ruang penyimpanan kenderaan agak sempit dan terhad. Pencemaran bau petrol yang kuat daripada *generator* yang digunakan untuk membekalkan tenaga kepada meter asap juga mengganggu keselesaan pegawai ketika perjalanan ke tempat operasi. Gambar 3

menunjukkan keadaan penyimpanan peralatan dalam kenderaan X-Trail yang digunakan untuk operasi penguatkuasaan.

**GAMBAR 3**  
**PENYIMPANAN PERALATAN DALAM KENDERAAN X-TRAIL BAGI TUJUAN OPERASI**  
**PENGUATKUASAAN**



Pihak Audit berpendapat, kajian terperinci serta perbincangan dengan pegawai di peringkat Negeri perlu dilakukan sebelum membuat sesuatu perolehan bagi memastikan kenderaan yang dibeli adalah sesuai dan selesa digunakan dan memenuhi keperluan operasi. Langkah ini dapat membantu pegawai pengguna yang bertugas di lapangan menjalankan tugas dengan selesa dan cekap sejajar dengan objektif yang ditetapkan.

Selain itu, sebagai sebuah Jabatan yang menjalankan operasi penguatkuasaan, pihak Audit berpendapat penggunaan Lampu Mata Arah (*Beacon Light*) perlu diberi perhatian oleh pihak JAS. Ini adalah sebagai langkah keselamatan supaya pengguna jalan raya yang lain berwaspada atau berhati-hati semasa pihak JAS menjalankan operasi. Penggunaan Lampu Mata Arah juga dapat membantu memudahkan perjalanan operasi serta meningkatkan keselamatan pegawai penguatkuasaan ketika operasi.

#### **4.2.4 Perbezaan Maklumat Dalam Dokumen Penilaian Sebut Harga**

Tempoh penghantaran/penyiapan adalah salah satu kriteria yang diberi pemarkahan sewaktu Jawatankuasa Penilaian Kewangan melakukan penilaian ke atas sebut harga membekalkan kamera video. Semakan Audit terhadap Jadual Sebut Harga ePerolehan, Jadual Sebut Harga Manual dan laporan daripada Jawatankuasa Penilaian Kewangan mendapati perbezaan maklumat tempoh penghantaran antara ketiga-tiga dokumen tersebut seperti berikut:-

**JADUAL 8**

**PERBEZAAN MAKLUMAT TEMPOH PENGHANTARAN ANTARA JADUAL SEBUT HARGA DENGAN LAPORAN JAWATANKUASA PENILAIAN KEWANGAN**

Penyebut Harga	Jadual Sebutharga ePerolehan (RPT_021)	Jadual Sebutharga Manual (Lampiran F1)	Laporan Jawatankuasa Penilaian Kewangan Sebutharga
1/35	1 bulan	4 minggu	5 minggu
6/35	14 hari	15 hari	3 minggu
10/35	14 hari	15 hari	2 minggu
25/35	4 bulan	Tiada tempoh	Tiada tempoh
27/35	42 hari	Tiada tempoh	6 minggu


Perbezaan dan perubahan maklumat daripada dokumen asal yang dikemukakan oleh pembekal yang dilakukan oleh Jawatankuasa Penilaian Kewangan tidak harus berlaku kerana ianya sedikit sebanyak akan mempengaruhi pemarkahan terhadap keputusan sebut harga.

**4.3 Pengurusan Kontrak**


**4.3.1 Surat Perjanjian Lewat Disetamkan**

Semakan terhadap dokumen kontrak bagi tender AS(T)001/2012 di antara Kerajaan Malaysia dan pembekal Jalinan Sucrom Sdn. Bhd. mendapati, perjanjian telah ditandatangani pada 24 Mei 2012. Bagaimanapun dokumen tersebut hanya disetamkan pada 20 September 2012 iaitu hampir empat (4) bulan selepas perjanjian ditandatangani. Gambar di bawah menunjukkan tarikh perjanjian ditandatangani dan disetamkan.

**GAMBAR 4  
TARIKH DOKUMEN KONTRAK DITANDATANGANI**



**GAMBAR 5  
TARIKH DOKUMEN KONTRAK DISETEMKAN**



Walaupun perjanjian kontrak ini dikecualikan daripada Duti Setem, penyempurnaan duti setem hendaklah dilaksanakan secepat mungkin dalam tempoh 30 hari selepas kontrak ditandatangani bagi memastikan perjanjian telah diikat dan disahkan dari segi undang-undang untuk menjamin kepentingan Kerajaan.

**4.3.2 Tandatangani Kontrak**

Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, para 45.4, suatu ikatan kontrak wujud di antara kedua-dua pihak setelah SST ditandatangani dan dikembalikan oleh pembekal kepada Agensi. Semakan terhadap tender AS(T)001/2012 untuk bekalan meter asap mendapati SST telah dikeluarkan kepada pembekal Jalinan Sucrom Sdn. Bhd. pada 24 Mei 2012 manakala tarikh jawapan SST daripada pembekal ialah pada 29 Mei 2012. Namun begitu, dokumen kontrak telah ditandatangani pada 24 Mei 2012 iaitu sebelum tarikh jawapan daripada pembekal diterima. Ringkasan tarikh tawaran dan tarikh kontrak ditandatangani adalah seperti berikut:-

**JADUAL 9  
TARIKH TAWARAN KEPADA PEMBEKAL UNTUK PEROLEHAN METER ASAP**

Tender	Tarikh Surat Setuju Terima	Tarikh Jawapan Surat Setuju Terima	Tarikh Kontrak
AS(T) 001/2012	24.05.2012	29.05.2012	24.05.2012

Pihak Audit berpandangan tarikh kontrak ditandatangani adalah mengelirukan kerana pada tarikh tersebut pembekal Jalinan Sucrom Sdn. Bhd. belum lagi memberi jawapan kepada SST yang dikeluarkan. Ikatan kontrak hanya wujud di antara kedua-dua pihak setelah Jalinan Sucrom Sdn. Bhd. menandatangani SST dan mengembalikannya kepada Jabatan.

#### 4.3.3 Terma Perjanjian

Dokumen Kontrak bertarikh 22 Ogos 2011 yang ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dan Syarikat Kejuruteraan TNH Sdn. Bhd. bagi membekalkan kenderaan pacuan empat roda ada menyatakan:-

- Para 26.1 Pembekal hendaklah bersetuju memberikan latihan kepada pelatih/perantis Kerajaan secara percuma
- Para 26.2 Tempat, jangka masa, bilangan dan pekerja lain yang berkaitan hendaklah dipersetujui oleh Kerajaan dan Pembekal.

Hasil temubual yang dijalankan mendapati ketika pengagihan kenderaan dilakukan, tiada sebarang latihan atau taklimat diberikan oleh pihak Pembekal. Proses pengagihan kenderaan telah dilaksanakan dengan cara berikut:-

- Kenderaan diserahkan kepada Pengarah ketika mesyuarat di Ibu Pejabat JAS
- Pemandu datang mengambil sendiri kenderaan di Ibu Pejabat JAS
- Penghantaran terus oleh Pembekal kepada JAS bagi JAS di Negeri Sabah dan Sarawak

Pihak Audit berpendapat, terma latihan di dalam dokumen tender dan dokumen kontrak adalah tidak perlu memandangkan kenderaan yang dibeli adalah kenderaan yang *standard* tanpa sebarang pengubahsuaian. Pihak JAS hendaklah mengkaji keperluan sesuatu terma perjanjian dengan lebih teliti sebelum perjanjian ditandatangani. Apabila ianya telah ditandatangani, Pihak JAS hendaklah memastikan terma di dalam kontrak dipatuhi bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

#### 4.4 Pengurusan Aset Dan Peralatan *- m/g*

##### 4.4.1 Penerimaan Aset Dan Peralatan

Semakan terhadap penerimaan aset dan peralatan mendapati pegawai yang menerima kenderaan dan meter asap tidak dilantik secara bertulis. Maklumat lengkap adalah seperti berikut:-

**JADUAL 10**  
**PENERIMAAN ASET DAN PERALATAN**

No. Pesanan Tempatan	Tarikh Pesanan Tempatan	Perihal	Jumlah (RM)	Pegawai Penerima
LO351040101110241	21.09.2011	Membekal, menghantar dan mentauliah 15 unit kenderaan pacuan empat roda	1,418,250	Mirza Bin Zainudin
LO351040101110300	02.11.2011	Membekal, menghantar dan mentauliah 7 unit kenderaan pacuan empat roda	661,850	Mohd Azrul Bin Mas Saud
LO351040101120585	18.09.2012	Membekal, menghantar dan mentauliah 33 unit meter asap	1,059,960	Mirza Bin Zainuddin

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 telah menetapkan Pegawai Penerima hendaklah dilantik secara bertulis untuk menerima dan mengesahkan aset yang diperoleh menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti sebenar serta setiap aset yang diterima dalam keadaan baik dan sempurna.

#### 4.4.2 Pengagihan Peralatan

Semakan Audit terhadap agihan kenderaan dan kamera video ke JAS Negeri mendapati:-

i) **Agihan Kenderaan Tidak Mengikut Perancangan**

Agihan kenderaan ke JAS Negeri diuruskan oleh Bahagian Pentadbiran JAS Ibu Pejabat. Kenderaan yang diagihkan ke negeri-negeri adalah seperti berikut:-

**JADUAL 11**  
**AGIHAN KENDERAAN KE JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI**

JAS Negeri	Bilangan Kenderaan
Wilayah Persekutuan Putrajaya	2
EiMAS	1
Pulau Pinang	1
Selangor	3
Kelantan	1
Terengganu	4
Johor	3
Pahang	1
Sabah	1
Sarawak	3
Perlis	1
Kedah	1
<b>JUMLAH</b>	<b>22*</b>

\* Tidak termasuk 2 unit Toyota Hilux yang diterima pada 31.12.2012

Semakan fizikal di lima (5) JAS Negeri mendapati, kenderaan yang diagihkan tidak digunakan oleh Unit Punca Bergerak iaitu Unit yang bertanggungjawab terhadap operasi penguatkuasaan kawalan pelepasan dari kenderaan bermotor seperti mana tujuan asal perolehan, sebaliknya digunakan oleh pelbagai Seksyen seperti berikut:-

**JADUAL 12**  
**AGIHAN KENDERAAN DI CAWANGAN/UNIT**  
**JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI**

JAS Negeri	Bilangan Kenderaan Diterima	No. Pendaftaran Kenderaan	Lokasi Sebenar Aset
Pulau Pinang	1	WWW 1153	Gunasama
Johor	3	WWW 1439	Punca Tetap
		WWD 1582	Aduan
		WWW 1143	Punca Bergerak
Terengganu	4	WWD 1598	Gunasama/Pentadbiran
		WWD 1673	Maklumat & Pendidikan
		WWW 1045	Kemaman
		WWW 1147	Punca Tetap
Sarawak	3	WWW 1160	Gunasama
		WWD 1627	Gunasama
		TM*	Sibu

\* Tiada Maklumat

Daripada Jadual di atas, hanya 1 daripada 11 kenderaan iaitu 9.1% digunakan oleh Unit Punca Bergerak iaitu di JAS Negeri Johor. Ini menunjukkan perolehan kenderaan tidak mencapai tujuan sebenar seperti yang dirancangkan.

Temubual dengan Pengarah JAS yang dilawati mendapati, pengagihan kenderaan di JAS Negeri dilakukan berdasarkan keperluan Seksyen/Unit. Selain itu, pengagihan kenderaan daripada Ibu Pejabat tidak disertakan dengan surat iringan memaklumkan tujuan sebenar kenderaan diagihkan.

**Pihak JAS hendaklah memastikan kenderaan yang dibeli diagihkan ke Unit Punca Bergerak bagi memastikan operasi yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Agihan kenderaan seharusnya dibuat secara rasmi dengan surat iringan sebagai bukti dan rujukan.**

**ii) Pengagihan Kamera Video Melebihi Keperluan**

Hasil pemeriksaan fizikal dan temubual dengan pegawai JAS Negeri mendapati, kamera video yang diagihkan oleh Ibu Pejabat adalah berlebihan jika

dibandingkan dengan penggunaan dan bilangan pegawai yang ada. Justeru, bagi mengelak daripada pembaziran, kamera video yang berlebihan diagihkan kepada Bahagian/Unit lain. Maklumat kamera video yang diterima daripada Ibu Pejabat berbanding bilangan perjawatan yang ada di Unit Punca Bergerak adalah seperti berikut:-

**JADUAL 13**  
**AGIHAN KAMERA VIDEO BERBANDING BILANGAN PEGAWAI**  
**DI JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI**

JAS Negeri	Bilangan Kamera Video Yang Diterima	Bilangan Pegawai Di Unit Punca Bergerak	Penempatan Sebenar Kamera Video
Pulau Pinang	4	7 (1 pasukan)	2 unit di Unit Punca Bergerak
			1 Unit di Unit Pengurusan
			1 Unit di Unit Aduan
Negeri Sembilan	2	5 orang (1 pasukan)	Unit Punca Bergerak
Johor	10	15 (3 pasukan)	3 unit di Unit Punca Bergerak (Team A, B dan C)
			1 unit di Cawangan Muar
			1 Unit di Cawangan Pengerang
			1 unit di Cawangan Kluang
			1 unit di Cawangan Batu Pahat
			3 unit masih belum digunakan (dalam stor)
Terengganu	2	6 (1 pasukan)	2 unit di Unit Punca Bergerak
Sarawak	3	5 orang (1 pasukan)	1 unit di Unit Punca Bergerak
			1 unit di Bahagian Pentadbiran
			1 unit di Unit Kesedaran


Pada pandangan Audit, pihak JAS Ibu Pejabat seharusnya mendapatkan maklumat mengenai keperluan sebenar pihak JAS di peringkat negeri terlebih dahulu sebelum membuat perolehan bagi mengelak daripada lebih peralatan. Ini adalah kerana Unit Punca Bergerak di JAS Negeri yang bertanggungjawab secara langsung dengan aktiviti penguatkuasaan kenderaan bermotor hanya mempunyai 5 hingga 7 orang pegawai (kecuali JAS Negeri Johor yang mempunyai 15 orang pegawai). Justeru, peralatan yang dibekalkan adalah berlebihan jika dibandingkan dengan kekerapan operasi dan bilangan pegawai yang ada.

#### 4.4.3 Penggunaan Peralatan

##### i) Penggunaan Meter *CO-HC Analyser*

Semakan Audit di JAS Negeri Terengganu dan Sarawak mendapati Meter *CO-HC Model Innova 500* yang dibekalkan pada tahun 2009 oleh Ibu Pejabat tidak digunakan secara optimum. Jabatan didapati lebih kerap menggunakan Meter *CO-HC Analyser* yang dibekalkan pada tahun 2007 iaitu Model *QRO-202* yang lebih mesra pengguna dan memudahkan kerja kerana ianya lebih kecil, mudah dikendalikan dan menjimatkan masa. Ini disebabkan ketika operasi, pengujian asap perlu dilakukan dengan pantas. *CO-HC Analyser Model Innova* hanya digunakan sebagai *backup*. Gambar 6 menunjukkan contoh *CO-HC Analyser Model QRO-202* dan *Model Innova 500* yang digunakan.

GAMBAR 6  
PERALATAN *CO-HC ANALYSER* MODEL *QRO-202* DAN *INNOVA 500*



Oleh kerana Ibu Pejabat JAS akan membuat perolehan Meter *CO-HC Analyser* yang turut termasuk dalam skop Projek RMKe-10, pihak Audit mencadangkan supaya peralatan yang akan dibeli lebih mesra pengguna, mudah digunakan di samping menjimatkan masa pegawai yang menggunakannya bagi memastikan ianya dapat digunakan dengan optima. Kajian tentang kesesuaian peralatan yang hendak dibeli perlu dilakukan bagi memastikan hasrat JAS untuk bergerak seiring dengan perubahan teknologi dalam penggunaan peralatan penguatkuasaan tercapai. Langkah ini secara tidak langsung dapat memperkasakan aktiviti penguatkuasaan sejajar dengan Pelan Strategik JAS 2011 – 2020.

##### ii) Peralatan Tidak Digunakan

###### a) Papan Tanda Keselamatan (*Safety Sinage*)

Bagi tujuan operasi di bahu jalan, Unit Punca Bergerak dibekalkan dengan papan tanda operasi. Namun pihak Audit mendapati papan tanda yang

dibekalkan oleh Ibu Pejabat tidak digunakan ketika operasi penguatkuasaan. Semakan di Stor JAS Negeri mendapati papan tanda ini dibekalkan pada tahun 2004 dan masih dalam keadaan baik disebabkan tidak pernah digunakan. Bilangan papan tanda yang tidak digunakan adalah seperti berikut:-

**JADUAL 14**  
**PAPAN TANDA OPERASI YANG TIDAK DIGUNAKAN**

JAS Negeri	Bilangan Papan Tanda
Pulau Pinang	6
Negeri Sembilan	4
Sarawak	6

Pihak Audit dimaklumkan, papan tanda ini tidak praktikal digunakan kerana mempunyai tulisan yang panjang dan menyukarkan pengguna jalan raya untuk membaca. Di samping itu, ukurannya yang besar memerlukan ruang yang lebih luas di dalam kenderaan untuk dibawa ke tempat operasi. Gambar di bawah menunjukkan papan tanda yang dibekalkan dan ruang yang terpaksa digunakan apabila menjalankan operasi.

**GAMBAR 7**  
**PAPAN TANDA YANG DIBEKALKAN OLEH IBU PEJABAT**

Papan Tanda Yang Dibekalkan	Papan Tanda Yang Dibawa Ketika Operasi
	

Pihak Audit mendapati JAS Negeri Terengganu menggunakan papan tanda yang lebih ringkas dan jelas di mana papan tanda tersebut ditempah sendiri oleh pihak Jabatan seperti gambar berikut:-

**GAMBAR 8**  
**PAPAN TANDA JABATAN ALAM SEKITAR**  
**NEGERI TERENGGANU**



Pihak Audit berpendapat, kajian awal perlu dilakukan oleh JAS sebelum membuat perolehan peralatan terutamanya melibatkan operasi penguatkuasaan bagi memastikan peralatan yang dibeli adalah sesuai dan berkesan supaya dapat digunakan dengan optima. Pandangan daripada pegawai JAS Negeri adalah perlu memandangkan mereka terlibat secara langsung dengan aktiviti di lapangan.

**b) *Tachometer***

Pada tahun 2008, JAS Negeri Sembilan telah menerima 2 unit *Digital Hand Engine Tachometer* jenama *Ono Sokki SE-2500* berharga RM6,500 seunit daripada Ibu Pejabat manakala pada tahun 2009, 2 unit *tachometer* jenama yang sama berharga RM6,380 seunit juga telah diterima.

Semakan Audit mendapati hanya 2 daripada 4 unit *tachometer* digunakan untuk operasi bunyi bising motosikal. Ini adalah kerana bilangan operasi yang perlu dicapai oleh Unit Punca Bergerak hanya 4 kali setahun disebabkan kekurangan kakitangan. Ini menyebabkan 2 unit *tachometer* yang dibekalkan tidak digunakan langsung.

Pihak JAS dinasihatkan supaya merancang perolehan dengan mengambil kira penggunaan sebenar di peringkat Negeri bagi memastikan peralatan yang dibekalkan dapat diguna secara optima. Memandangkan *tachometer* ini perlu dikalibrasi setiap tahun, peralatan yang berlebihan akan menyebabkan pembaziran wang awam. Perkara ini perlu diambil kira untuk perolehan 30 unit *Sound*

**Level Meter beserta Tachometer yang dijangka akan dijalankan pada tahun 2013.**


#### **4.4.4 Pelupusan Peralatan**

Lawatan Audit ke JAS Negeri Johor pada 31 Oktober 2012 mendapati beberapa peralatan seperti meter asap dan alat-alat teknikal Unit Punca Bergerak yang rosak dan tidak digunakan lagi masih belum dilupuskan. Peralatan tersebut dilonggokkan di dalam sebuah bilik bersama peralatan lain yang hendak dilupuskan. Maklumat peralatan yang hendak dilupuskan adalah seperti di Jadual 15 manakala Gambar 9 menunjukkan tempat penyimpanan peralatan yang hendak dilupuskan.

**JADUAL 15  
PERALATAN YANG HENDAK DILUPUSKAN DI JAS JOHOR**

<b>Peralatan</b>	<b>Bilangan</b>
Meter Asap Muller Bem 8695	3
Meter Asap AVL	1
Meter Asap Hartridge MK3	3
Sound Level Meter Model B&K 2236	4
Sound Level Meter Model Rion Na-20	1
Tachometer Modal B&K 2238T	3

**GAMBAR 9  
PERALATAN YANG HENDAK DILUPUSKAN DI SIMPAN  
DALAM STOR JABATAN**



Memandangkan pengauditan hanya dijalankan secara pensampelan, pihak JAS dinasihatkan untuk membuat pemeriksaan menyeluruh di semua pejabat cawangannya bagi memastikan aset yang telah rosak/usang dilupuskan dengan segera selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa. Langkah ini dapat membantu Jabatan menjimatkan ruang pejabat dan mendapatkan hasil pulangan yang terbaik.

#### 4.5 Penyelenggaraan Rekod - mdyam

Menurut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, aset dan inventori yang dibeli hendaklah didaftarkan dengan lengkap dan tepat mengikut kategori masing-masing ke dalam Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Inventori (KEW.PA-3). Pendaftaran hendaklah dibuat dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset alih yang harga perolehan asalnya RM1,000 dan ke atas hendaklah didaftarkan sebagai harta modal. Pendaftaran adalah penting bertujuan bagi mewujudkan pengkalan data yang lengkap, tepat dan kemaskini, memudahkan pengesanan dan pemantauan, membolehkan keadaan aset diketahui dan memudahkan penyelenggaraan, pelupusan dan penggantian aset. Di samping itu, penyelenggaraan yang dilakukan ke atas aset pula perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini ke dalam Daftar Penyelenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14).

##### 4.5.1 Aset Tidak Didaftarkan/Pendaftaran Tidak Lengkap

Lawatan Audit ke JAS Negeri Sarawak pada 20 November 2012 mendapati sebuah kenderaan Nissan X-Trail 4WD 2.5L A/T (WWD 1627) yang diterima pada 20 Februari 2012 masih belum didaftarkan ke dalam KEW.PA-2 dan KEW.PA-4. Selain itu, pendaftaran 2 unit kamera video seperti di Jadual 16 tidak lengkap di mana aksesori yang dibekalkan seperti *Tripod, HDMI Cable, Memory Card, USB Cable, Handycam Bag, Audio Cable*, tidak direkodkan di ruangan spesifikasi di KEW.PA-2.

**JADUAL 16**  
**ASET TIDAK DIDAFTARKAN / PENDAFTARAN TIDAK LENGKAP**

No Siri Pendaftaran	Perihal Aset	Harga Perolehan (RM)
Tiada	Nissan X-Trail 4WD 2.5L A/T (WWD 1627)	94,550.00
NRE/JAS(SWK)/H/11/1	Kamera video/Sony Handycam HDR-CX 160	3,150.00
NRE/JAS(SWK)/H/11/2	Kamera video/Sony Handycam HDR-CX 160	3,150.00

Setiap aset yang diterima hendaklah didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh penerimaan. Daftar hendaklah diisi dengan lengkap bagi memudahkan pengesanan alat.

#### 4.5.2 Kesilapan Mendaftar Peralatan

Semakan Audit terhadap pendaftaran aset di Unit Punca Bergerak di JAS Negeri Sembilan mendapati 4 unit kamera video termasuk 2 unit yang baru diterima telah direkodkan sebagai inventori walaupun harga perolehan asal adalah melebihi RM1,000. Jadual 17 menunjukkan maklumat harta modal yang direkodkan sebagai inventori.

**JADUAL 17**  
**HARTA MODAL YANG DIDAFTARKAN SEBAGAI INVENTORI**

No. Siri Pendaftaran	Perihal Aset	Harga Perolehan (RM)
NRE/JAS(NS)/II/11/7	Kamera video/Sony Handycam HDR-CX160	3,150.00
NRE/JAS(NS)/II/11/7	Kamera video/Sony Handycam HDR-CX160	3,150.00
NRE/JAS(NS)/II/07/65	Kamera Video/Sony DVD Handycam DCR-DVD780E	3,517.00
NRE/JAS(NS)/II/07/66	Kamera Video/Sony DVD Handycam DCR-DVD780E	3,517.00

Pihak JAS Negeri Sembilan dinasihatkan supaya merekodkan peralatan yang diterima mengikut kategori peralatan yang betul bagi memastikan peralatan dapat direkod dengan tepat dan sempurna. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 – Tatacara Pengurusan Aset hendaklah dirujuk bagi mengelak kekeliruan dalam mengenalpasti harta modal dan inventori.

#### 4.5.3 Maklumat Aset Tidak Tepat

Setiap sukuan tahun, JAS Negeri dikehendaki menghantar maklumat nilai keseluruhan aset di bawah jagaan kepada Ibu Pejabat. Maklumat ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Ibu Pejabat.

Semakan Audit mendapati nilai aset yang dilaporkan oleh JAS Johor tidak merangkumi keseluruhan aset di bawah jagaan. Sebagai contoh, nilai aset pada tahun 2009 yang dilaporkan kepada Ibu Pejabat sehingga 7 Mac 2011 berjumlah RM213,965.70. Jumlah ini tidak termasuk aset teknikal bernilai RM153,936. Jadual 18 menunjukkan aset yang dilaporkan kepada Ibu Pejabat manakala Jadual 19 menunjukkan aset teknikal yang tidak dilaporkan kepada Ibu Pejabat.

**JADUAL 18**  
**MAKLUMAT NILAI ASET TAHUN 2009 YANG DILAPORKAN KEPADA IBU PEJABAT JABATAN ALAM SEKITAR**

Unit	Bilangan Harta Modal	Nilai Harta Modal
Unit ICT	23	55,010.00
Unit Pentadbiran	6	158,955.70
<b>Jumlah</b>	<b>29</b>	<b>213,965.70</b>

**JADUAL 19**  
**SENARAI ASET YANG TIDAK DIMASUKKAN DALAM LAPORAN KEPADA IBU**  
**PEJABAT JABATAN ALAM SEKITAR**

Bil	No. Siri Pendaftaran	Perihal Aset	Tarikh Pendaftaran	Nilai Aset (RM)
1	JAS/JH/H/SM/09/009	Smokemeter Muller Bem 898 Light	16.11.2009	32,200.00
2	JAS/JH/H/GET/09/007	Gasoline Engine Tachometer Ono Sokki	05.10.2009	6,380.00
3	JAS/JH/H/SM/09/008	Smokemeter Muller Bem 898 Light	16.11.2009	32,200.00
4	JAS/JH/H/SLM/09/006	Sound Level Meter Onno Sokki	05.10.2009	38,388.00
5	JAS/JH/H/SLM/09/004	Sound Level Meter Onno Sokki	05.10.2009	38,388.00
6	JAS/JH/H/GET/09/005	Gasoline Engine Tachometer Ono Sokki	05.10.2009	6,380.00
<b>Jumlah</b>				<b>153,936.00</b>

Pihak Audit dimaklumkan, Unit Pentadbiran JAS Negeri Johor tidak menerima maklumat aset teknikal di Unit Punca Bergerak untuk didaftarkan dalam Sistem Pengurusan Aset (SPA). Ini menyebabkan nilai aset teknikal di bawah Unit Punca Bergerak tidak ada dalam senarai aset Jabatan.

Pihak JAS Johor dinasihatkan untuk membuat pemeriksaan menyeluruh terhadap aset teknikal bagi memastikan kesemua aset telah didaftarkan dengan sempurna. Kakitangan yang bertanggungjawab terhadap aset Jabatan hendaklah diberi kursus pengurusan aset bagi memastikan semua aset jabatan dilaporkan dengan betul, lengkap dan kemas kini. Langkah ini akan membantu Jabatan apabila sistem perakaunan akruan dikuatkuasakan mulai tahun 2015 nanti.

#### 4.5.4 Rekod Penyenggaraan Tidak Diselenggara

Rekod penyenggaraan peralatan seperti meter asap dan *sound level meter* di Unit Punca Bergerak di JAS Negeri yang dilawati tidak diselenggara dengan kemas kini. Antara butiran penyenggaraan yang tidak direkod adalah seperti di Jadual 20. Pihak Audit tidak dapat menyemak sejarah penyenggaraan yang dilakukan terhadap peralatan-peralatan sejak ianya diterima kerana tidak direkodkan dalam daftar.

**JADUAL 20**  
**BUTIRAN PENYENGGARAAN METER ASAP DAN SOUND LEVEL METER YANG**  
**TIDAK DIREKODKAN**

JAS Negeri	No. Pesanan Tempatan	Tarikh Pesanan Tempatan	Butiran Kerja Penyelenggaraan	Kos (RM)	Catatan
Pulau Pinang	P12000130	25.04.2012	<i>Service, Repair, Replace Printer Paper And SIRIM Calibration of Muller Bem 8695 Smokemeter S/No: 021046</i>	800.00	Daftar Penyelenggaraan Harta Modal bagi peralatan teknikal Unit Punca Bergerak tidak diselenggarakan
	P12000084	19.03.2012	<i>Standard Service, Replace Temperature Sensor And ECU and SIRIM Calibration of Muller Bem 898 Light Smokemeter S/No: 294002(Chamber)/128 05 (CPU)</i>	980.00	
	P12000086	19.03.2012	<i>Standard Service and replace temperature sensor of muller bem 898 light smokemeter S/NO: 292259 (Chamber)/11950 (CPU)</i>	500.00	
Johor	L03510402 01120087	27.03.2012	Penyelenggaraan Meter Asap-SIRIM BERHAD	390.00	Daftar Penyelenggaraan Harta Modal bagi peralatan teknikal Unit Punca Bergerak tidak diselenggarakan
	L03510402 01120174	25.06.2012	Penyelenggaraan Meter Asap –Andalas Timur	900.00	
Terengganu	LO3510406 01120032	22.02.2012	Kalibrasi Alat Smoke Meter Modul Muller Bem 898	290.00	Daftar Penyelenggaraan Harta Modal diselenggarakan tetapi tidak kemas kini dan menyeluruh
	INV:035000 15444	17.04.2012	<i>Calibration fees of smoke meter model: muller Bem 495/ 01 MB S/N: 12792/294098</i>	100.00	
Sarawak	INV:035000 04345	06.06.2012	<i>On-sited Calibration Fees of Smoke Meter Model: Muller Bem 8695 S/N: 021049, 021400, 040272 &amp; 040273</i>	3,100.00	Daftar Penyelenggaraan Harta Modal diselenggarakan tetapi tidak kemas kini dan menyeluruh
	LO3510408 01110107	29.09.2011	<i>Opacimeter/Smoke Meter(On-Site) Muller Bem 8695/898</i>	2,600.00	
	LO3510408 01110107	29.09.2011	<i>Sound Level Meter-LA-5560/Onosokki</i>	680.00	
	LO3510408	22.06.2011	<i>Opacimeter/Smoke</i>	2,800.00	

JAS Negeri	No. Pesanan Tempatan	Tarikh Pesanan Tempatan	Butiran Kerja Penyelenggaraan	Kos (RM)	Catatan
	01110048		<i>Meter (On-Site)</i>		
	LO3510408 01110048	22.06.2011	<i>Sound Level Meter</i>	680.00	
	LO3510408 01110132	18.10.2011	<i>Opacimeter/Smoke Meter (On-Site)- Muller Bem 8695/898</i>	2,600.00	
	LO3510408 01110132	18.10.2011	<i>Sound Level Meter-La-5560/Onosokki</i>	740.00	
	LO3510408 01110136	19.10.2011	<i>34% Calibration Filter For Muller Bem 8695 Smokemeter</i>	90.00	

Pihak Audit dimaklumkan sebelum tahun 2012, penyelenggaraan alat dilakukan oleh Unit Perkhidmatan Alatan (UPA) di Bangi, Selangor menggunakan peruntukan Ibu Pejabat. Justeru, semua JAS Negeri akan menghantar peralatan yang ingin dikalibrasi atau diselenggara ke UPA bersama Borang Aduan Kerosakan (KEW.PA-9). Pihak JAS Negeri tidak menerima maklumat lengkap mengenai penyelenggaraan daripada UPA untuk direkodkan dalam Daftar Penyelenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14). Manakala pihak UPA juga tidak merekodkan maklumat penyelenggaraan ke dalam KEW.PA-14 dengan alasan peralatan adalah milik JAS Negeri. Oleh yang demikian, KEW.PA-14 tidak diselenggara sama ada di peringkat Negeri mahupun di UPA.

Bagaimanapun, pihak Ibu Pejabat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan Bilangan 3/2011 yang diadakan pada 12 Oktober 2011 memutuskan supaya peruntukan penyelenggaraan peralatan mulai tahun 2012 akan disalurkan terus kepada JAS Negeri. Justeru, JAS Negeri akan menguruskan sendiri penyelenggaraan harta modal dan inventori termasuk peralatan teknikal.

Pihak JAS di negeri dinasihatkan supaya merekodkan semua penyelenggaraan peralatan ke dalam Daftar Penyelenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14) dengan kemas kini dan lengkap. Maklumat yang lengkap akan memudahkan urusan pelupusan apabila peralatan sudah usang/rosak dan tidak ekonomik untuk dibaiki.

## 5. RUMUSAN DAN CADANGAN AUDIT

Secara umumnya pengurusan perolehan peralatan bagi tujuan kawalan pelepasan dari kenderaan bermotor JAS adalah memuaskan. Namun, perancangan yang teliti di samping mengambil kira keperluan sebenar di peringkat pihak yang mengguna peralatan perlu diberi perhatian. Pihak JAS seharusnya mendapatkan maklumat daripada semua JAS Negeri

berkaitan dengan keperluan sebenar dan bilangan pegawai yang ada sebelum membuat perolehan bagi mengelak daripada berlakunya lebih peralatan. Langkah ini bagi memastikan penggunaan peralatan secara optima dan mengelak daripada pembaziran wang awam. Bagi tujuan penambahbaikan, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut diberi pertimbangan:-

- i. Membuat pemantauan secara berterusan terhadap prestasi perolehan untuk memastikan pembekal membekalkan peralatan dalam tempoh yang ditetapkan. Tindakan yang sepatutnya diambil selaras dengan perjanjian yang telah dipersetujui.
- ii. Memastikan perjanjian disemak dengan teliti serta mengambil kira semua syarat penting bagi menjaga kepentingan semua pihak. Ini bagi memastikan semua pihak mematuhi syarat perjanjian yang ditetapkan dan program dapat dilaksanakan mengikut perancangan.
- iii. Melantik secara bertulis pegawai penerima aset yang mempunyai kelayakan dan kepakaran untuk membuat penerimaan dan pemeriksaan peralatan berkaitan.
- iv. Tindakan pelupusan hendaklah diambil dengan segera terhadap aset yang tidak boleh digunakan atau aset yang tidak diperlukan lagi.
- v. Memastikan semua peralatan yang diterima didaftarkan dengan lengkap dan kemas kini dalam daftar yang ditetapkan termasuk di pejabat JAS Negeri yang tidak dilawati Audit.
- vi. Memastikan rekod berkaitan pengurusan peralatan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta menjalankan pemeriksaan fizikal secara menyeluruh dan berkala.
- vii. Jawatankuasa Penilaian Kewangan perlu menilai setiap Sebut Harga/Tender dengan teliti bagi memastikan maklumat yang dinilai adalah tepat dan benar agar tidak berlaku perbezaan maklumat yang boleh mempengaruhi penilaian yang dibuat.